

MAHATHIR MENINJAU

KOTA BAHRU, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan meninjau jentera pilihanraya Barisan Nasional apabila beliau melakukan lawatan ke Kelantan mulai esok.

Timbalan Perdana Menteri juga akan menemui para pemimpin Barisan Nasional Negeri Kelantan dan para pekerja pilihanraya Barisan semasa berada di sini.

Beliau dijangka tiba di sini petang esok bagi memulakan lawatan tiga hari ke negeri ini.

Sejurus selepas tiba, Datuk Seri Dr. Mahathir akan bertolak ke kampung Padang Sakar dekat sini untuk menemui rakyat dan merasmikan masjid.